

6 FEB 1996

JKR DIARAH KAJI KONSEP LEBUHRAYA BARU

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengkaji kemungkinan membina jambatan dan terowong di kawasan berbukit semasa membina jalan dan lebuhraya.

Beliau berkata, "pemikiran baru" itu yang dibincangkan oleh Kabinet baru-baru ini adalah perlu untuk melindungi alam sekitar daripada aktiviti meratakan tanah tinggi dan memotong pokok-pokok.

Menteri itu berkata beliau telah meminta JKR untuk mengkaji bagaimana ia boleh dilaksanakan daripada segi ekonomi.

"In kerana pembinaan terowong adalah mahal," kata Samy Vellu yang juga presiden MIC kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini yang syarikat-syarikat ditawarkan kontrak untuk membina jalan di Malaysia perlu mematuhi syarat-syarat seperti membina terowong di kawasan-kawasan tertentu untuk mengurangkan kerosakan pada alam sekitar.

Perdana Menteri berkata, walaupun kos pembinaan terowong memang tinggi, ianya perlu untuk melindungi alam sekitar daripada aktiviti meratakan bukit dan memotong pokok.

Samy Vellu berkata lebuhraya Kuala Lumpur-Kuantan-Kuala Terengganu akan dibina mengikut konsep itu. -- BERNAMA